

PANDUAN PERMOHONAN BAGI PENDAFTARAN JURUANALISIS MAKANAN DI BAWAH AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011

1. Kelayakan bagi permohonan pendaftaran mengikut Seksyen 18 Akta Juruanalisis Makanan 2011 adalah seperti berikut:

Kategori I

- a) Mempunyai ijazah dalam sains makanan atau teknologi makanan atau sains dan teknologi makanan daripada institusi pendidikan tinggi yang diluluskan oleh Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia
- b) Berkhidmat di bawah penyeliaan juruanalisis makanan berdaftar atau ahli kimia berdaftar ATAU mempunyai dua (2) tahun pengalaman bekerja dalam analisis makanan
- c) Berumur lapan belas tahun ke atas

Kategori II

- a) Mempunyai ijazah lain dalam bidang sains berkaitan yang diluluskan oleh Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia
 - b) Berkhidmat di bawah penyeliaan juruanalisis makanan berdaftar atau ahli kimia berdaftar ATAU mempunyai empat (4) tahun pengalaman bekerja dalam analisis makanan
 - c) Berumur lapan belas tahun ke atas
2. Permohonan pendaftaran juruanalisis makanan hendaklah dibuat melalui *Food Analyst Registration Information System of Malaysia* (FARIS) di <http://faris.moh.gov.my>
 3. Borang permohonan yang telah diisi melalui FARIS hendaklah dicetak dan disertakan dengan perkara berikut:
 - a) Senarai Semak Permohonan Pendaftaran Juruanalisis Makanan (MJMM/02-004)
 - b) Salinan ijazah pertama mengikut kelayakan akademik seperti ditetapkan di bawah Seksyen 18 Akta Juruanalisis Makanan 2011
 - c) 2 keping gambar berukuran pasport
 - d) Keterangan sokongan bidang analisis
 - e) Salinan kad pengenalan
 - f) Salinan transkrip akademik

Nota: Senarai Semak Permohonan Pendaftaran Juruanalisis Makanan dan Keterangan sokongan bidang analisis boleh didapati di laman web FARIS

3. Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut:

Setiausaha

Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 4, Menara Prisma
Presint 3
62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya

4. Bayaran fi pendaftaran sebanyak RM250.00 hendaklah dibuat kepada **KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA** dengan menggunakan samada kiriman wang / bank draf **setelah permohonan pendaftaran diluluskan** oleh Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia.
5. Permohonan penambahan bidang analisis makanan hendaklah dibuat menggunakan **BORANG H - TAMBAHAN BIDANG ANALISIS MAKANAN** sekiranya berniat untuk menambah bidang analisis makanan setelah pendaftaran diluluskan.
6. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Cik Irma binti Mohamad Samsi di talian 03-88850797 sambungan 4229 / emel irma@moh.gov.my atau Pn. Hadidawati bt. Mahadi di talian 03-88850797 sambungan 4237 / emel hadidawati@moh.gov.my .